

17 DEC 2002
LING-KERETAPI/I
RAKAN ASEAN+3 SANGGUP BANTU KERETAPI TRANSASIA

IPOH, 17 Dis (Bernama) -- Rakan-rakan dalam Asean+3, China, Jepun dan Korea akan membantu membiayai sambungan bagi landasan Keretapi Transasia kerana sebahagian daripada negara-negara yang terbabit tidak berupaya membiayai landasan bahagian masing-masing dalam projek tersebut, kata Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Kata beliau, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, telah berhubung dengan rakan-rakan Asean+3 itu dan masing-masing telah membayangkan kesanggupan untuk membantu dalam projek tersebut.

Dr Ling berkata bahawa Malaysia, Thailand dan China tidak menghadapi masalah untuk menyiapkan landasan keretapi di negara masing-masing bagi projek Keretapi Transasia itu yang akan terentang dari Singapura ke Kunming di China.

Bagaimanapun, pembinaan landasan keretapi itu tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya di Kemboja, Laos, Vietnam dan Myanmar disebabkan oleh masalah kewangan yang dihadapi oleh negara-negara berkenaan, katanya kepada pemberita selepas melancarkan kilang ACP Industries (ACPI) Bhd di sini, hari ini bersama dengan Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

Kemboja, Laos, Vietnam dan Myanmar memerlukan bantuan daripada negara-negara yang lebih kaya untuk membantu menyiapkan bahagian landasan keretapi masing-masing.

"Selain rakan kongsi Asean +3, terdapat juga Bank Pembangunan Asia (ADB) dan institusi-institusi seperti Bank Industri dan Perdagangan Jepun yang boleh memberikan pinjaman dengan kadar faedah yang amat rendah dan tempoh bayaran balik selama 40 tahun," katanya.

Sebagai sumbangannya, Malaysia juga telah menawarkan untuk memberikan landasan keretapi yang telah dicabut keluar bagi projek landasan berkembarnya kepada negara-negara berkenaan, katanya.

"Kita sanggup membantu mereka. Tugas mereka sekarang ialah mengusahakan kewangan. Kemudian, mereka boleh membenarkan kontraktor kita pergi ke sana untuk membantu mereka membina landasan keretapi ini," katanya.

Projek Keretapi Transasia akan meliputi landasan sepanjang 5,500 km dan dijangka menelan kos sebanyak kira-kira RM9.5 bilion.

Sementara itu, Dr Ling berkata, beliau yakin projek landasan berkembar berelektrik dari Rawang ke Ipoh akan siap menjelang akhir tahun 2004 dan sedia digunakan menjelang awal tahun 2005.

Katanya, walaupun pada mulanya berlaku sedikit kelewatan, tetapi kini kontraktor-kontraktor telahpun mengatasinya.

"Prasarananya boleh disiapkan pada akhir tahun depan. Kita memerlukan setahun lagi untuk menyiapkan sistem-sistem seperti signal dan kuasa elektrik," katanya. -- BERNAMA

KAY SD KY OS